

Hampir 3 juta jemaah dunia selesai tunai haji

Musim 1444H tiba ke penghujung, jemaah dinasihat terus jaga kemabruran ibadah

Daripada Syuhada Choo Abdullah di Makkah



Musim Haji 1444H/2023M kini tiba ke penghujungnya dengan keseluruhan hampir tiga juta Dhuyufurrahman dari seluruh dunia, termasuk 31,600 jemaah Malaysia, selesai melaksanakan kerja ibadah Rukun Islam kelima itu, semalam.

Jemaah menempuhi waktu kemuncak haji atau masyair yang cukup bermakna dalam hayat masing-masing, dengan berakhir di Arafah pada Selasa

lalu sebagai memenuhi rukun haji, bermabit di Muzdalifah dan Mina, selain menyempurnakan ibadah melontar di Jamarat dan tawaf serta sai di Masjidil Haram.

Pada musim haji ini, sebanyak 50 peratus atau kira-kira 15,800 jemaah Malaysia terbabit Nafar Awal, kelmarin, manakala bakinya pula Nafar Thani, semalam, bersama impian dikurniakan haji mabrur oleh Allah SWT.

Pengurus Ibadat dan Ziarah Di Sektor Madinah, Muhammad Fakhru Ridwan Othman, berkata definisi haji mabrur ialah ibadah yang tidak bercampur dengan perbuatan dosa.

Penyucian hati

Namun, beliau menjelaskan, proses penyucian hati dengan mehanam jiwa kehambaan yang memperakui serta taat kepada setiap suruhan dan tegahan Allah SWT, sekali gus sentiasa bertaubat kepada-Nya, hukan hanya ke-



Muhammad Fakhru Ridwan Othman

tika mengerjakan ibadah haji di Tanah Suci.

“Bagi mendapatkan ganjaran haji mabrur, setiap Muslim hendaklah mengambil perhatian penting mengenai apa yang perlu dilakukan selepas menyempurnakan ibadah itu.

“Antaranya ialah berzikir mengingati Allah SWT secara berterusan, di samping menzahirkan perasaan cinta serta kasih kepada Rasulullah SAW dengan menghidupkan sunah Baginda dan beramal dengannya.

“Selain itu, memelihara hak Allah SWT dan makhluk-Nya. Ia adalah suatu tuntutan penting sementelah manusia diciptakan sebagai khalifah di muka bumi,” katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Fakhru Ridwan berkata, ibadah haji tidak hanya menumpukan kepada natijah perbuatan baik semata-mata.


Sebaliknya, beliau berkata, haji mabrur turut menekankan aspek menghindari perkara

yang bersalahan dengan prinsip agama.

“Bagi mengekalkan kemabruran haji, setiap individu perlu menjauhi perilaku buruk sama ada dari segi perbuatan yang boleh menyakiti orang lain, menghilangkan keharmonian masya-

rakat, atau menjejaskan alam sekitar dan sebagainya.

“Mereka juga wajib memelihara lidah masing-masing daripada mengeluarkan ucapan yang buruk, mengadu domba, sumpah palsu, memfitnah, menipu dan mengumpat,” katanya.



Jemaah Malaysia ketika berwukuf di Arafah, Selasa lalu.



Jemaah haji melaksanakan ibadah melontar di Jamarat.